

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan motivasi yang menyentuh tentang pengenalan kepada konsep motivasi, jenis-jenis pendekatan motivasi dan domain-domain non-motivasi serta penghalang motivasi. Penulis juga akan mengutarakan mengenai pembelajaran Bahasa Arab yang meliputi konsep dan cakupan pembelajaran bahasa di samping menyentuh definisi bahasa, kemahiran bahasa dan kepentingannya, dan bahasa dari perspektif pembelajaran bahasa kedua. Pada masa yang sama, penulis juga mengetengahkan definisi Bahasa Arab dan kepentingannya, Bahasa Arab memperkasakan matlamat negara serta pembelajaran Bahasa Arab pada peringkat sekolah menengah. Selain itu, penulis turut sama akan menghuraikan motivasi dan kepentingannya terhadap pembelajaran Bahasa Arab serta pendorong utama bagi motivasi holistik dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Di samping itu, penulis juga akan mengutarakan penghuraian dan interpretasi kajian ini dari perspektif Islam secara sisipan. Tidak ketinggalan, beberapa kajian lampau yang berkaitan sama ada di dalam atau di luar negara akan diketengahkan sebagai perbandingan. Semua kajian tersebut ditinjau berdasarkan definisi tajuk kajian, masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian, bidang kajian dan lain-lain.

2.1 MOTIVASI

Dalam sub-topik ini, penulis membincangkan tiga persoalan utama iaitu:

- i- Motivasi; konsep, paradigma penjenisan, tujuan motivasi dan sumbangannya dalam profesionalisme pendidikan.
- ii- Jenis-jenis pendekatan motivasi yang merangkumi motivasi holistik, intrinsik, ekstrinsik, matlamat dan pencapaian.
- iii- Domain-domain non-motivasi yang mencakupi ciri-ciri demografi dan motivator, serta domain-domain penghalang motivasi.

2.1.1 Konsep Motivasi dan Pengertiannya

Umumnya, kajian yang dibuat secara sistematik dan saintifik terhadap penggerak kepada kemahuan dan keinginan manusia untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu tujuan disebut **motivasi**. Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *move* yang bermakna bergerak. Dalam Kamus Besar Arab-Melayu (2006 : 754) pula, motivasi disebut dengan kata tunggal (da:fi') dan kata jamak pula (dawa:fi') yang bererti dorongan. Ainon Mohd. (2003 : 3), menegaskan bahawa istilah motivasi memberi makna mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Oleh itu, ia bertepatan dengan dua kata yang membentuk istilah *motivation* iaitu *motive* dan *action*. Justeru, motivasi boleh diertikan sebagai sebagai dorongan untuk melakukan tindakan bagi tujuan tertentu.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 898) pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

Motivasi, menurut pandangan Wan Rafeei Abdul Rahman (1991 : 11), ialah satu set proses yang bertenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan menghala tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat. Lantaran itu, konsep motivasi bukan setakat melibatkan sesuatu keperluan dan keinginan yang menggerakkan tingkah laku atau pembelajaran seseorang, bahkan juga dari segi hala tuju yang diambil oleh seseorang itu untuk memuaskan keperluan dan keinginannya.

Sarjana psikologi Arab ‘Abd al-Majid Sayyid Ahmad Mansur et. al. (2004 : 164) pula mendefinisikan motivasi sebagai kajian tentang keadaan ketegangan dalaman yang merangsang aktiviti seseorang dan mendorongnya untuk berusaha mencapai tujuan yang tertentu dalam persekitarannya.


Ford dalam Mohamad Shatar Sabran (2005 : 7) berpendapat motivasi adalah satu proses membangkit, mengarah, dan mengekalkan tindakan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, di mana sebelum ini tidak ada gerakan menuju ke arah tujuan tersebut. Namun demikian, motivasi dalam erti kata sebenarnya bukanlah berbentuk tingkah laku tetapi kondisi internal iaitu dalam diri yang kompleks lagi subjektif, yang tidak dapat difahami secara langsung tetapi mempengaruhi seseorang (Christopher et. al, 1999 : 120). Justeru, motivasi

adalah dorongan dari dalam iaitu motif yang berupa harapan dan keinginan yang bersifat mendorong dan menggerakkan individu.

Walaubagaimanapun, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004 : 3-4) merumuskan pentakrifan motivasi yang dikemukakan oleh pakar-pakar psikologi motivasi kepada tiga persoalan penting, iaitu:

- i- Darjat Keamatan: Pakar-pakar psikologi melihat sejauh mana individu itu sanggup menggunakan tenaganya melakukan sesuatu perbuatan. Daripada sudut pandangan ini, mereka mengkaji mengapakah individu itu melakukan perbuatan itu dengan sedaya upaya ataupun sebaliknya. Aspek ini disebut keamatan atau intensiti.
- ii- Arah Perbuatan: Pakar-pakar mengkaji apakah arah atau matlamat individu itu melakukan apa yang dilakukannya. Mengapakah perbuatan itu dilakukan menghala satu arah, bukan arah yang lain. Misalnya mengapakah seseorang pelajar yang beberapa kali gagal dalam peperiksaan, berazam mengulangi peperiksaan tersebut.
- iii- Ketekunan: Selama manakah individu itu terus melakukan perbuatan yang dilakukannya. Maksudnya mengapakah perbuatan itu terus diulang-ulang ataupun sebaliknya. Sebagai contoh, mengapakah sesetengah individu, selepas beberapa kali berjaya atau gagal dalam sesuatu perkara, mereka terus mencuba dan mencuba lagi, tidak mahu berhenti. Aspek ini disebut persisten atau ketekunan penerusan.

Daripada pandangan-pandangan dan pengertian sebelum ini, konsep motivasi boleh digambarkan sebagai sebuah kitaran yang terdapat pada Rajah 2.1.



Rajah 2.1
Lingkaran Konsep Motivasi
(Sumber Rohaty Mohd. Majzub)

Rajah 2.1 menunjukkan sebuah lingkaran konsep motivasi yang bermula daripada pelbagai keperluan, kemahanan, atau keinginan yang mengakibatkan timbul desakan motif dalam diri individu. Desakan pula menghasilkan ketegangan dan kerisauan. Ketegangan melahirkan tingkah laku bermotivasi yang akan mengarah kepada sesesuatu matlamat tertentu. Pencapaian matlamat akan memenuhi keperluan dan menghasilkan kepuasan. Apabila seseorang pelajar sampai kepada matlamatnya dia akan mendapat peneguhan. Oleh demikian, peneguhan dalam bentuk intrinsik atau ganjaran yang berbentuk

ekstrinsik akan menyebabkan pelajar itu bertindak selanjutnya untuk mengulangi tingkah laku yang bermotivasi dalam mengekalkan kecemerlangan hidup.

2.1.2 Paradigma Penjenisan Motivasi

Terdapat beberapa paradigma di kalangan ahli-ahli psikologi dan pedagogi tentang penjenisan motivasi. Berikut ialah tiga bentuk paradigma dalam penjenisan motivasi yang berkaitan dengan kajian ini. Pertama, Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik. Kedua, Motivasi Integrasi dan Motivasi Instrumental. Ketiga, Motivasi berdasarkan keperluan, emosi dan motif. Berikut ialah interpretasi dan penghuraian yang menyentuh ketiga-tiga kategori paradigma tersebut:

a- Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik

Mahyy al-Di:n Tu:q et. al. (2003: 207) mengklasifikasikan motivasi kepada motivasi fisiologi dan motivasi psikologi. Motivasi psikologi pula dikaitkan dengan dua faktor, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang masing-masing dikenali sebagai (dawa:fi' nafsiyyat da:khiliyyat) iaitu motivasi intrinsik dan (dawa:fi' nafsiyyat kha:rijiyyat) iaitu motivasi ekstrinsik. Dua jenis motivasi yang berdasarkan domain dalaman dan domain luaran diinterpretasi seperti berikut:

(i) Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik ialah dikenali motivasi dalaman. Dorongan intrinsik timbul kerana memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 29). Ia juga merupakan ciri semula jadi manusia untuk mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu yang diingininya. Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan kendiri dan lain-lain.

Apabila seseorang pelajar mempunyai keinginan intrinsik, dia tidak memerlukan apa-apa bentuk insentif atau hukuman untuk melakukan perkara tersebut kerana aktiviti itu sendiri telah dapat memenuhi kepuasan dan keperluan dalaman pelajar itu.

Penyataan ini menjelaskan bahawa tidak semua tingkah laku boleh dibentuk melalui skema peneguhan. Ini kerana terdapat sesetengah tingkah laku itu dilakukan kerana individu berkenaan mendapat satu bentuk kepuasan dalaman atau satu motivasi intrinsik hasil daripadanya (Mahmood Nazar Mohamed, 1990 : 294).

(ii) Motivasi Ekstrinsik

Motivasi Ekstrinsik adalah berlawanan dengan Motivasi Intrinsik. Motivasi jenis ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luar diri *external* individu (Mohammad Shatar Sabran, 2005 : 9).

Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan kendiri.

Oleh demikian, motivasi jenis ini wujud dan terjadi disebabkan oleh keinginan kepada pengiktirafan dan persetujuan semata-mata. Jika motivasi ekstrinsik berlaku, pelajar akan berasa diri mereka dimanipulasikan untuk mendapat pujian dan ganjaran (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 29). Kedua, seolah-olah pembelajaran hanyalah merupakan jambatan untuk memperoleh matlamat. Juga dipercayai pemindahan pembelajaran sukar berlaku kerana selepas sahaja ganjaran ekstrinsik diterima, pelajar mudah dan akan lupa apa yang telah dipelajari. Ketiga pelajar terlalu bergantung pada guru untuk menepa kejayaan.

Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati dan bijaksana apabila dirangsang oleh motivasi jenis ini dengan pelbagai bentuk ganjaran dalam situasi pembelajaran di dalam bilik darjah.

b- Motivasi Integrasi dan Motivasi Instrumental

Mahmu:d Ka:mil al-Na:qat (1985 :30) menggolongkan motivasi dalam pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua kepada dua jenis iaitu (dawa:fi' taka:muliyyat) iaitu motivasi integrasi dan (dawa:fi' wasi:lat) iaitu motivasi Instrumental.

(i) Motivasi Integrasi

Motivasi Integrasi berlawanan dengan motivasi konsep kendiri. Motivasi jenis ini bertujuan untuk menguasai mana-mana bahasa kedua supaya dapat berkomunikasi dengan bahasa masyarakat tersebut dengan jayanya. Malah, menurut Muhammed Kaamil al-Naqiq (1985 : 30), motivasi integrasi adalah berkait rapat dengan minat seseorang dalam pembelajaran bahasa tersebut. Gardner dan Lambert dalam Brown (1994 : 145), mengatakan bahawa seseorang itu dikatakan bermotivasi integrasi jika motif beliau mempelajari sesuatu bahasa kedua adalah bagi membolehkannya mengintegrasikan dirinya ke dalam masyarakat bahasa tersebut serta dapat mengidentifikasi dirinya sebagai sebahagian daripada masyarakat itu.


(ii) Motivasi Instrumental

Motivasi Instrumental ialah minat seseorang untuk memperoleh bahasa kedua kerana didorong oleh motif-motif yang mendatangkan manfaat. Menurut Gardner dan Lambert dalam Brown (1994 : 145), seseorang itu dikatakan bermotivasi instrumental sekiranya tujuan beliau untuk menguasai sesuatu bahasa kedua adalah untuk membolehkannya menggunakan bahasa tersebut untuk mencapai matlamat-matlamat yang lain daripada matlamat integrasi seperti menyambung pengajian tinggi, membolehkannya membaca bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa tersebut, penterjemahan dan sebagainya.

Menurut Mahmu:d Ka:mil al-Na:qat (1985 : 31) jenis motivasi ini mempunyai peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa. Oleh demikian, beliau menyarankan bahawa perlu dikenal pasti terlebih dahulu jenis motivasi mana yang boleh mempengaruhi penutur-penutur natif bahasa Arab. Di samping itu, beliau menegaskan bahawa ilmu pengetahuan Bahasa Arab adalah suatu ilmu yang amat berguna dan bermanfaat dari pelbagai aspek terutamanya untuk pengajian Islam kepada para pelajar muslim.

c- Motivasi Berdasarkan Keperluan, Emosi dan Motif

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah pula, paradigma motivasi dapat digolongkan kepada tiga jenis, iaitu keperluan, emosi dan motif. Untuk penguraian jenis motivasi ini, penulis memetik daripada Kamarudin Hj. Husin (1997: 116) dan Lee Shok Mee (1997 : 60). Tiap-tiap jenis yang tersebut itu mencakupi unsur-unsur seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2.



Rajah 2.2
Jenis-Jenis Motivasi Berdasarkan Keperluan, Emosi dan Motif Pelajar

Berikut ialah tiga jenis motivasi yang dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran:

(i) Motivasi Berdasarkan Keperluan

Motivasi jenis ini merujuk kepada dua keperluan asas bagi manusia iaitu fisiologi dan psikologi (Shabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, 2004 : 5). Pelajar dapat dimotivasikan untuk belajar dengan sempurna sekiranya keperluan-keperluan ini dapat dipenuhi. Makanan dan kesihatan merupakan dua prasyarat untuk membolehkan seseorang itu turut serta dalam proses pembelajaran. Dari segi aktiviti pula, pelajar harus dilibatkan dalam pelbagai aktiviti yang menyeronokkan seperti, bercerita, berlakon, bernasyid, memaparkan demonstrasi, projek dan sebagainya di samping kerehatan.

Di samping itu, Kamarudin Hj. Husin (1997) dan Lee Shok Mee (1997) bersetuju bahawa dalam proses pembelajaran, pelajar juga memerlukan keperluan psikologi. Pertamanya hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kasih sayang. Pelajar akan terdorong untuk belajar dengan sempurna apabila mereka merasakan diri mereka selamat dan menerima kasih sayang sepenuhnya daripada rakan sebaya dan guru-guru, sebaliknya unsur-unsur permulauan akan menyebabkan mereka mengasingkan diri dan mengelakkan pembelajaran.

Kedua, dengan adanya galakan dan penghargaan, pelajar akan berusaha memenuhi keperluan potensi dan kesempurnaan diri, terutamanya apabila mereka dapat menunjukkan sesuatu pencapaian atau prestasi yang baik dalam proses pembelajaran. Dengan itu mereka akan berusaha mencapai matlamat dan kecemerlangan yang lebih tinggi serta memikirkan cara untuk memberi sumbangan kepada kelas, sekolah dan komuniti.

Ketiganya, dari aspek pengetahuan dan pemahaman. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru haruslah menggunakan sifat naluri ingin tahu pelajar untuk mendorong mereka belajar bagi memperoleh pengetahuan, di samping mengatur, menyusun dan menganalisis perhubungan dalam pelbagai perkara supaya mereka mendapat kefahaman yang kukuh. Akhirnya dari segi estetik, pelajar perlu dibimbing untuk menghargai keindahan alam sekitar. Dengan demikian, mereka dapat menghayati dan memelihara keindahan alam yang dapat merangsang minat dalam pembelajaran.

(ii) Motivasi Berdasarkan Emosi

Motivasi jenis ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan pelajar. Motivasi berasaskan emosi mempengaruhi tanggapan seseorang pelajar terhadap alam sekelilingnya termasuk orang lain dan situasi fizikal luar. Perkembangan emosi adalah hasil daripada kematangan dan proses pembelajaran. Emosi juga menambahkan keseronokan kepada pengalaman belajar sehari-hari, menjadi penggerak kepada tindakan dan memberikan warna kepada bentuk tindakan yang diambil oleh pelajar (Kamarudin Hj. Husin, 1997 : 118).

Dalam bilik darjah, guru sewajarnya sentiasa meninjau emosi pelajar untuk menarik minat dalam pembelajaran. Kebiasaannya, emosi seronok dan keriangan menimbulkan keselesaan, sebaliknya emosi sindiran, cercaan, penghinaan dan lain-lain tingkah laku yang negatif mengakibatkan timbul kesakitan dan gangguan serta mencacatkan perkembangan emosi pelajar. Oleh yang demikian, guru hendaklah memahami keadaan emosi pelajar di samping menunjukkan sikap kasih sayang, bertimbang rasa dan sanggup mengawal perasaan sendiri (Lee Shok Mee, 1997 : 61). Usaha seperti ini akan melindungi emosi yang negatif supaya pelajar sentiasa berada dalam keriangan untuk meneruskan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan.

Dalam menghuraikan perbezaan individu di kalangan pelajar berdasarkan emosi, Rohaty Mohd. Majzub (1992 : 126), berpandangan bahawa ada individu yang tidak boleh menumpukan perhatiannya dalam peperiksaan

kerana terlalu bimbang akan gagal, dan ada pula individu yang berjaya menduduki peperiksaan dengan tabah, tenang dan tenteram.

(iii) Motivasi Berdasarkan Motif

Motivasi jenis ini pula biasanya menggerakkan seseorang pelajar bertindak ke arah sesuatu motif yang diingini. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1997 : 199) dalam pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan digerakkan belajar bagi mencapai motif tertentu sama ada dalam bentuk matlamat dan objektif, insentif dan ganjaran, memenuhi minat atau rasa ingin tahu atau menghargai sistem nilai.

Dari segi matlamat dan objektif, guru sewajarnya menjelaskan kepada pelajar-pelajar, supaya mereka menyedari dan memahami erti dan faedah pembelajaran itu serta kaitannya dengan matlamat kehidupan dan jenis kerjaya. Oleh itu, konsep yang jelas terhadap matlamat dan objektif akan mendorong pelajar-pelajar untuk berusaha ke arah tujuan yang murni itu. Dalam hal insentif dan ganjaran pula, guru boleh menyatakan markah dan gred yang akan diperolehi oleh pelajar. Malah ganjaran dalam bentuk pujian, hadiah, mewakili sekolah dalam pertandingan pidato Bahasa Arab, menganggotai kelab Bahasa Arab dan sebagainya turut membina motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Di samping itu, pelajar seharusnya diberi peluang belajar mengikut minat dan kecenderungan mereka yang berlainan. Dalam hubungannya dengan nilai dan ideal, guru perlulah menyedarkan pelajar betapa

pentingnya menghayati nilai-nilai agama, kemanusiaan, komuniti, sains, ekonomi dan sebagainya.

2.1.3 Tujuan Motivasi

Antara tujuan utama mengkaji motivasi adalah seperti berikut:

- i- Membina dan menghasilkan teori-teori dan prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada motivasi untuk memahami tingkah laku pelajar dalam bidang pendidikan.
- ii- Penyelidikan motivasi dalam profesionalisme pendidikan menambah pengetahuan kepada pendidik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Begitu juga motivasi mendapat input daripada psikologi pendidikan. Oleh itu, ilmu tentang motivasi dan konsep berkaitan dengannya diperlukan sebagai panduan dalam motivasi diri (Sharifah Akmmam Syed Zakaria, 2005 : 13).
- iii- Motivasi dalam pembelajaran bahasa menggalakkan penyelidikan sesuatu isu secara saintifik. Pendidik boleh membuat keputusan mengenai sesuatu dorongan pelajar secara lebih objektif dan sistematis. Justeru itu, bidang motivasi adalah suatu bidang yang bertujuan menjawab pertanyaan ‘mengapa’ terjadinya tingkah laku; sebab-sebab yang mendorong manusia melakukan pelbagai perbuatan (Ainon Mohd, 2003 : 3).

2.1.4 Sumbangan Motivasi

Daripada huraian tentang tujuan motivasi, jelaslah bahawa terdapat pertalian yang begitu rapat sekali antara tujuan dan sumbangan motivasi dalam pendidikan. Antara sumbangan utama motivasi dalam proses pendidikan yang dikaitkan dengan pelajar adalah seperti berikut:

- i- Membantu pelajar memahami ciri-ciri pertumbuhan dan perkembangan diri mereka itu sendiri dan bagaimana ciri-ciri ini dihubungkaitkan dorongan motivasi dalam situasi pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, pelajar dapat merancang pembelajaran bahasa yang sesuai dengan tahap perkembangannya.
- ii- Membantu pelajar memahami dan mengarahkan motif tingkah laku mereka melalui pemahaman pendekatan dan teori pembelajaran yang berkaitan dengan motivasi. Misalnya, pelajar akan terangsang dan berkemungkinan mengulangi sesuatu tingkah laku yang diingini jika tingkah laku tersebut menerima ganjaran dan pengiktirafan.
- iii- Melalui pendekatan motivasi pelajar dapat merancang matlamat dan objektif pembelajaran yang sesuai dengan kemampuannya sendiri dan menggariskan langkah-langkah supaya pembelajarannya akan dapat menjana kecemerlangan akademik.
- iv- Melalui ilmu motivasi, pelajar dapat menilai kualiti pendidikan mereka dari segi perbezaan latar belakang budaya, kebolehan dan tahap pencapaian *attainment levels* (Ames dan Ames, 1984 : 11). Pada masa yang sama, ilmu motivasi ini membolehkan mereka menstrategikan

konsep motivasi kendiri dalam menghadapi dan meneruskan proses pembelajaran bahasa yang lebih mencabar.

- v- Mengenal pasti punca kegagalan dalam ujian, meningkatkan prestasi pencapaian dan memprogramkan pembangunan motivasi kendiri. Dengan itu, data dan maklumat yang diperoleh akan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah mereka dalam menghadapi pembelajaran sekaligus dapat memotivasi diri mereka meningkatkan kualiti pencapaian.
- vi- Pelajar akan lebih bersabar dan bertanggungjawab apabila mereka menyedari aspek pencapaian dan kecerdasan yang berbeza-beza adalah didorong oleh domain motivasi dalaman dan persekitaran pelajar itu sendiri.
- vii- Sukatan pelajaran bahasa dapat disusun dan dirancang berlandaskan pendekatan motivasi pelajar (Mahmu:d Ka:mil al-Na:qaṭ, 1985 : 28). Misalnya, pendekatan pembelajaran bahasa berdasarkan tujuan-tujuan khas.

2.1.5 Jenis-Jenis Pendekatan Motivasi

Jenis-jenis pendekatan motivasi ini diklasifikasikan kepada lima bahagian.

2.1.5.1 Pendekatan Motivasi Holistik

Motivasi holistik dalam kajian ini merujuk kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan dorongan dan rangsangan daripada ajaran Islam. Hal ini

kerana Islam itu sendiri adalah agama yang lengkap dan sempurna serta bersifat holistik pada semua perkara samada yang berkaitan dunia psikologi pendidikan atau sebaliknya. Dorongan utama bagi motivasi jenis ini ialah dorongan jiwa dan fikiran ke arah menghubungkan tingkah laku seseorang pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk memperoleh keredhaan yang Maha Esa di dunia dan di akhirat.

Dalam pendekatan ini, konsep motivasi holistik dikaitkan secara jelas dengan prinsip usaha dan tawakal kepada Allah s.w.t. Bagaimanakah seseorang pelajar dapat menanam motivasi jenis ini dalam dirinya melalui pembelajaran? Jawapannya ialah dengan menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menarik iaitu dengan cara menggerakkan jiwa dan fikiran untuk menghubungkan pembelajaran dengan janji-janji pahala di sisi Allah di samping keinginan mengetahui isi kandungan pembelajaran Bahasa Arab yang berkaitan dengan al-Quran al-Kari:m dan Hadith. Ini menjadikan mereka merasa lebih kompeten dalam proses pembelajaran, dan pada masa yang sama usaha dan kesungguhan menyokong pembelajaran mereka untuk memperoleh matlamat pembelajaran Bahasa Arab sepetimana yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Negara.

Menurut perspektif Islam, nadi penggerak utama kepada jenis motivasi ini untuk menghasilkan kepuasan dan kenikmatan nilai pembelajaran adalah disebabkan oleh dorongan iman dan akidah kepada Allah s.w.t (Aliyy al-Tanta:wiyy, 1995 : 66), ('Abd al-Kari:m Zaida:n, 1987 : 19) dan ('Umar Ahmad, 1996 : 63).

2.1.5.2 Pendekatan Motivasi Intrinsik

Motivasi ini bermaksud keinginan pelajar untuk belajar kerana desakan dalaman yang kuat. Pelajar yang mempunyai pendekatan motivasi ini cenderung untuk belajar dan seronok dengan pencapaian akibat daripada pembelajaran Bahasa Arab. Mereka suka belajar demi mencapai matlamat pembelajaran bahasa itu untuk masa depannya.

Nordin Mamat (2001:30) dalam kajiannya berkata motivasi intrinsik umumnya ditingkatkan oleh minat peribadi dalam pembelajaran dan membantu pelajar meletakkan matlamat pembelajaran pada diri mereka. Oleh itu, pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik akan memperoleh pencapaian yang signifikan dalam pembelajaran Bahasa Arab mereka. Malah, pelajar yang bermotivasi intrinsik lebih cenderung untuk berusaha dalam pembelajaran itu dan mencapai tujuannya.

Selain itu, Harter dalam Saedah Siraj dan rakan-rakannya (1996 :15) telah mengenal pasti lima dimensi kecenderungan motivasi intrinsik dalam bidang pembelajaran. Dimensi-dimensi ini ialah cabaran, insentif belajar untuk memuaskan minat dan sifat ingin tahu, percubaan penguasaan yang bebas, penilaian yang bebas tentang apa yang hendak dilakukan dalam kelas dan kriteria dalaman untuk berjaya.

2.1.5.3 Pendekatan Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ini merujuk kepada sesuatu perkara yang didorong oleh domain luaran seperti hadiah atau ganjaran, tekanan sosial, hukuman dan lain-lain. Jenis motivasi ini berlawanan dengan motivasi intrinsik, di mana aktiviti pembelajaran Bahasa Arab yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran. Ini termasuklah penggunaan pangkat, pujian, anugerah, hadiah atau gred untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran bahasa itu.

Menurut Mohd. Sharani Ahmad et. al. (2003 : 67), motivasi ekstrinsik berkait rapat dengan pengukuhan. Pengukuhan ialah proses di mana sesuatu peristiwa yang berlaku secara luaran disebabkan oleh sesuatu respon yang diterima meningkat. Justeru, apa sahaja yang diperoleh di dalam sesuatu pembelajaran Bahasa Arab atau perubahan tingkah laku yang positif dikenali sebagai pengukuhan yang positif, dan begitu juga sebaliknya.

2.1.5.4 Pendekatan Motivasi Matlamat

Menurut Wan Rafaei Abdul Rahman (1991 : 14), penetapan matlamat adalah satu pendekatan untuk meningkatkan motivasi. Motivasi matlamat mempunyai kaitan rapat dengan minat mempelajari Bahasa Arab. Apabila motivasi ini diaplikasikan dalam bilik darjah, para pelajar dapat mengenal pasti hala tuju dan makna pelajaran dalam pembelajaran bahasa tersebut. Oleh itu,

motivasi matlamat merupakan salah satu faktor yang mendorong minat dan prestasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Sementara itu, terdapat tiga faktor motivasi dikatakan boleh mendorong matlamat pembelajaran bahasa kedua pelajar (Noor Aina Dani, 2007 : 64). Faktor-faktor tersebut ialah integratif, instrumental dan pengiktirafan kumpulan sosial. Faktor integratif merupakan kemahuan untuk menyertai hidup masyarakat yang menuturkan bahasa yang dipelajari oleh seseorang. Faktor instrumental merupakan kemahuan untuk menggunakan bahasa yang dipelajari untuk tujuan-tujuan praktikal seperti mendapatkan pekerjaan. Faktor pengiktirafan kumpulan sosial merupakan kemahuan memperoleh kemahiran berbahasa yang dituturkan oleh kumpulan sosial yang diiktiraf oleh pelajar.

2.1.5.5 Pendekatan Motivasi Pencapaian

David McClelland (1961) dan John Atkinson (1953) merupakan antara perintis dalam pengkajian tentang motivasi pencapaian. Individu yang berusaha demi mencapai kejayaan cemerlang semata-mata, bukan ganjaran, dikatakan mempunyai tahap motivasi pencapaian yang tinggi dalam pembelajarannya.

Menurut McClelland dalam Abdull Sukor Shaari (2003:25), seseorang yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi mempunyai kemahuan yang kuat untuk menggalas tanggungjawab mencari jalan ke arah penyelesaian masalah dan mempunyai kecenderungan untuk menetapkan matlamat yang tinggi dan berisiko.

Menurut pendekatan motivasi pencapaian, pelajar cenderung untuk berjaya atau mencapai kejayaan ke aras yang paling tinggi dan pada masa yang sama mengelakkan kemungkinan kegagalan (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 30).

Nicholls dalam Ahmad Saufie Haji Ali (1996:44) pula, mengatakan motivasi pencapaian merupakan satu faktor yang penting dalam menentukan kualiti pelajar. Kesimpulannya, pelajar yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Arab dengan sendirinya dapat membentuk diri ke arah pencapaian yang lebih cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

2.1.6 Domain-Domain Non-Motivasi

Dalam sub-topik ini, non-motivasi merangkumi domain-domain yang mendorong individu pelajar dari dua sudut iaitu:

- (i)** Domain demografi pelajar.
- (ii)** Domain motivator.

2.1.6.1 Domain Demografi Pelajar

Domain demografi pelajar merangkumi jantina, umur, sosioekonomi, sosiobudaya, pencapaian akademik dan aliran mata pelajaran. Berikut adalah huraian secara ringkas berkaitan dengan faktor-faktor demografi pelajar:

(i) Jantina

Menurut Banks dalam Nordin Mamat (2001:30), pola perbezaan jantina dalam pencapaian akademik adalah agak berlainan daripada perbezaan yang berkaitan dengan kelas sosial.

Demikian juga, pencapaian pelajar perempuan didapati mengatasi pencapaian pelajar lelaki pada semua peringkat sekolah rendah, sebaliknya pelajar lelaki menunjukkan peningkatan pada peringkat menengah. Kebanyakan pelajar lelaki selalunya menumpukan perhatian kepada motivasi pencapaian, manakala pelajar perempuan pula menumpukan perhatian kepada emosi. Namun begitu, kini pelajar perempuan lebih memberi perhatian kepada pencapaian berbanding dengan pelajar lelaki, misalnya dalam pelajaran Bahasa Arab.

(ii) Umur

Umur merupakan antara aspek yang penting dalam kajian tentang latar belakang sosial pelajar. Kadangkala umur memainkan peranan dan mempengaruhi sikap dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa. Kanak-kanak menunjukkan minat dan bermotivasi tinggi berbanding pelajar yang semakin meningkat usia. Sehubungan itu, faktor umur dalam pembelajaran bahasa kedua dijangka dipengaruhi oleh motivasi dan sikap pelajar sendiri.

(iii) Sosioekonomi

Status sosioekonomi ditakrif sebagai kedudukan seseorang berbanding dengan individu yang lain dalam sesuatu komuniti. Status ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu tinggi, sederhana dan rendah.

Penggolongan taraf sosioekonomi kepada kriteria tinggi, menengah dan rendah satu-satu kelompok diukur melalui ketua isi rumah dengan mengambil kira elemen pendidikan, pekerjaan, pendapatan atau harta benda yang dimiliki. Ciri-ciri berkenaan menjadi rujukan di Malaysia seperti yang tercatat dalam Penggunaan Petunjuk-Petunjuk Sosioekonomi Malaysia 1978. Oleh demikian, sosioekonomi dalam kajian ini adalah sokongan yang diberi oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka seperti membeli bahan-bahan bacaan Bahasa Arab, kelas tambahan dan lain-lain.

(iv) Sosiobudaya Keluarga

Dalam kajian ini, faktor galakan keluarga dilihat dari segi peranan dalam penyediaan persekitaran kepada pembelajaran bahasa pelajar dan sokongan moral mereka. Domain keluarga dalam kajian ini adalah seperti sokongan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Carlos Benito dan Johana Filp dalam Nordin Mamat (2001:48), mendapati pelajar cepat mencapai kemantangan

psikososial dan mencapai keputusan akademik jika mereka datang daripada keluarga yang mengawasi kegiatan anak-anak di samping memberi sokongan emosi dan sentiasa menggalakkan mereka membuat keputusan sendiri.

Dari segi rangsangan sosiobudaya pula meliputi aspek-aspek seperti, ibu bapa menghantar anak-anaknya pergi belajar Bahasa Arab di kelas-kelas tuisyen atau memanggil guru Bahasa Arab datang ke rumah untuk mengajar anak mereka. Pengaruh sokongan ibu bapa juga merangkumi sejauh mana ibu bapa mengambil berat perkembangan pelajaran Bahasa Arab anak iaitu sama ada meningkat atau merosot, memberi nasihat dan teguran yang membina jika keputusan merosot atau mengambil tindakan yang sesuai dengan kemampuan anaknya, memberi galakan yang membina terhadap pencapaian yang baik, seperti menghulurkan kata-kata pujian dan hadiah, serta memberi sokongan moral seperti menghadiri mesyuarat PIBG, Hari Penyampaian Hadiah, Hari Terbuka Sekolah dan sebagainya.

(v) Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik bermaksud prestasi akademik yang melibatkan skor atau gred yang diperoleh pelajar dalam satu-satu ujian atau peperiksaan yang standard. Pencapaian ialah kemampuan pelajar mencapai gred yang baik bagi sesuatu mata pelajaran yang diambil. Pencapaian akademik dianggap sebagai penilaian pendidikan formal dari aspek tingkat kecekapan yang dicapai oleh pelajar dalam bidang akademik sepanjang persekolahannya.

Dalam kajian ini, pencapaian akademik pelajar merujuk kepada pencapaian Bahasa Arab dalam peperiksaan berdasarkan Penilaian Menengah Rendah. Pelajar diukur dalam bentuk gred yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu gred A, B, C, D dan E mengikut format Penilaian Menengah Rendah (PMR).

(vi) Aliran Mata Pelajaran

Dalam kajian ini, aliran mata pelajaran merujuk kepada dua aliran iaitu aliran sains tulen dan aliran sains sosial. Pelajar kedua-dua aliran ini mempelajari BAT di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Kini aliran mata pelajaran di negara kita telah pun mengorak langkah pembaharuan kepada sistem 60% pelajar aliran sains tulen dan 40% pelajar aliran sains sosial yang bertujuan untuk mencapai wawasan 2020. Justeru, jelaslah bahawa minat, keperluan dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab berkaitan rapat dengan aliran mata pelajaran. Malah, perbezaan dimensi motivasi dapat dilihat pada pelajar yang berbeza aliran mata pelajaran.

2.1.6.2 Domain Motivator

Motivator meliputi perbincangan berkaitan dengan guru, persekitaran sosial pelajar serta aktiviti sekolah yang membangkitkan motivasi terhadap pembelajaran bahasa.

(i) Guru

Nordin Mamat (2001:48) mengatakan Brown dalam kajiannya tentang motivasi pelajar, guru dan perkembangan Pendidikan di London, United Kingdom mendapati motivasi pelajar adalah impak daripada pengajaran guru. Interaktiviti antara guru dan pelajar akan mempengaruhi pelajar untuk belajar terutamanya motivasi ekstrinsik pelajar. Motivasi ekstrinsik inilah yang akan memaksa pelajar untuk belajar, dan seterusnya akan melahirkan rasa bertanggungjawab serta membangkit motivasi intrinsik pelajar. Oleh itu, motivasi luaran ini akan mendorong pembentukan motivasi dalaman pelajar serta menimbulkan minat dan keinginan untuk belajar terutamanya bagi pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik.

(ii) Persekutaran Sosial Pelajar

Dalam kajian ini, persekitaran sosial pelajar di dalam bilik darjah merujuk kepada tiga aspek (Yahya Don, 2006 : 91) iaitu:

(a) Persaingan atau Rakan Sebaya

Persaingan menjadi penting apabila individu pelajar itu mengetahui mereka mendapat ganjaran dengan membandingkan diri mereka dengan pelajar lain. Pelajar yang mempunyai keinginan yang kuat untuk bersaing di dalam bilik darjah berusaha melakukan sesuatu dengan lebih baik berbanding rakan-rakannya yang lain.

(b) Sikap Individu Pelajar

Matlamat mempengaruhi gelagat individu pelajar di dalam bilik darjah. Sekiranya matlamat pelajar adalah mendapat ganjaran maka dia melakukan hanya untuk diri sendiri. Matlamat utamanya hanyalah hendak mendapatkan apa yang diinginkan atau apa yang ditetapkan oleh gurunya sahaja.

(c) Konsep Kerjasama

Konsep kerjasama memerlukan mereka berusaha melakukan perkara itu bersama dengan rakan bagi mendapatkan ganjaran bersama. Dalam persekitaran ini, pelajar yang berjaya berganding bahu membantu pelajar lain untuk berjaya bersama. Matlamat utama yang hendak dicapai adalah kerjasama di dalam bilik darjah bagi memajukan dan membolehkan pelajar lain berjaya.

(iii) Persekutaran Sekolah

Dalam kajian ini, sekolah dikaitkan dengan pelbagai aktiviti sekolah dari segi kurikulum dan kokurikulum. Pembelajaran bahasa juga dikaitkan dengan kemudahan lain seperti perpustakaan, buku-buku, majalah dalam Bahasa Arab, serta penggunaan perpustakaan yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan pelajar mengenai Bahasa Arab. Bahan bacaan berbentuk ilmiah seperti buku-buku pelajaran Bahasa Arab, buku rujukan, majalah akademik atau buku cerita memberi kesempatan yang lebih kondusif untuk belajar Bahasa Arab. Sehubungan itu, kemudahan dan pendedahan ini secara tidak langsung

menambah bacaan luas dalam Bahasa Arab, dan sekaligus akan memberi kesan kepada galakan dan perkembangan bahasa pelajar.

2.1.7 Penghalang Motivasi

Kekurangan motivasi dalam kalangan pelajar adalah satu masalah yang kompleks dan memberi kesan negatif kepada perkembangan pelajar dan perkembangan pendidikan di sekolah umumnya. Faktor-faktor penghalang motivasi dapat diringkaskan seperti berikut (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999 : 139), iaitu:

- i- Imej diri yang rendah.
- ii- Kemahiran intelektual yang rendah dan tidak menguasai cara belajar yang betul.
- iii- Kurang keazaman dan cita-cita.
- iv- Nilai hidup yang pesimistik dan kurang berdaya maju.
- v- Kurang inisiatif dan tidak mampu mengambil cabaran.
- vi- Kurang berminat terhadap pelajaran kerana kesan kegagalan yang berterusan.
- vii- Dorongan diri terhadap kejayaan yang rendah.
- viii- Pencapaian akademik yang rendah.
- ix- Sikap negatif, tidak bersungguh dan malas.
- x- Kurang mempunyai kesedaran.
- xi- Daya saing yang rendah, cepat berputus asa dan kecawa.

- xii- Wawasan hidup yang sempit, kurang idealisme dan semangat untuk berubah.

2.2 PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Dalam sub-tajuk ini, penulis membincangkan tiga perkara utama iaitu:

- (i) Pembelajaran; konsep dan cakupannya yang merangkumi proses dan prinsip-prinsip pembelajaran, dan pendekatan pembelajaran dari perspektif motivasi.
- (ii) Bahasa; merangkumi definisi, kemahiran bahasa dan kepentingannya, bahasa dari perspektif pembelajaran bahasa kedua di samping definisi Bahasa Arab dan kepentingannya serta Bahasa Arab dan matlamat Negara.
- (iii) Pembelajaran Bahasa Arab pada peringkat sekolah menengah; mencakupi pembelajaran Bahasa Arab dalam falsafah pendidikan Negara, status Bahasa Arab dalam Falsafah Pendidikan Negara, matlamat pembelajaran (BAT), objektif pembelajaran (BAT) dan akhirnya aspek-aspek (BAT).

2.2.1 Pembelajaran

2.2.1.1 Konsep Pembelajaran

Sebelum dibincangkan konsep dan cakupan pembelajaran, ada baiknya dibincangkan persoalan yang berkaitan dengan istilah pembelajaran yang mempunyai konotasi dan cakupan kepada pengenalan kepada pembelajaran itu sendiri. Dalam Bahasa Arab istilah pembelajaran disebut pada kata dasar (*ta'allum*) dan dalam bahasa Inggeris pula disebut *learning* yang bermaksud pengajian, ilmu, pengetahuan atau pelajaran (Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan, 2005:203).

Manakala takrifan pembelajaran yang telah dikemukakan oleh Yu:suf Qita:miyy et. al. (2002 : 18) ialah satu perubahan tingkah laku yang agak kekal dan hasil daripada proses latihan. Menurut mereka lagi perubahan tingkah laku itu tidak dianggap sebagai pembelajaran jika sekiranya dihasilkan atau dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti faktor pertumbuhan dan kematangan. Hal ini dipersetujui oleh Morgan dan King dalam Kamarudin Hj. Husin (1993 : 12) yang menganggap pembelajaran itu sebagai apa sahaja tingkah laku yang kekal akibat pengalaman yang telah diperoleh atau latihan yang telah dijalani.

Sementara Logan (1997 : 2) beranggapan bahawa pembelajaran itu sebagai satu proses yang kekal secara relatif, akibat daripada latihan dan pantulan daripada perubahan tingkah laku; *a relatively permanent process resulting from practice and reflected in a change in performance*. Gage dan

Berliner dalam Esah Sulaiman (2004 : 11) pula mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan dalam tingkah laku yang dihasilkan daripada pengalaman. Menurut mereka lagi perubahan itu bukanlah disebabkan faktor fisiologi seperti keletihan, pengambilan dadah atau lain-lain, tetapi perubahan itu berlaku dalam suasana kehidupan termasuklah sekolah dan bilik darjah.

Pembelajaran juga melibatkan cara membuat sesuatu kerja. Ia berlaku dalam percubaan individu mengatasi rintangan atau menyesuaikan diri kepada situasi baru. Malah pembelajaran berlaku sepanjang hayat seseorang, sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Walaubagaimanapun, pembelajaran juga boleh ditakrifkan sebagai menghalusi fikiran dan memperbaiki kebolehan berfikir seseorang, mendalami kefahaman seseorang mengenai isu, atau meningkatkan kefahaman mendalam mengenai fenomena seperti mendapatkan teknik yang lebih baik atau fakta baru (Shahabuddin Hashim & et. al, 2004 : 153).

2.2.1.2 Cakupan Pembelajaran

Cakupan pembelajaran melibatkan dua perkara iaitu proses pembelajaran dan prinsip-prinsip pembelajaran.

a- Proses Pembelajaran

Proses pembelajaran melibatkan pelbagai fasa. Setiap individu akan melalui fasa tersebut sama ada secara disedari atau tidak. Di sini penulis memetik kajian Gagne dalam Rohizani Yaakub (2003 : 4 - 5), tentang proses

pembelajaran (termasuk bahasa Arab) yang melibatkan lapan fasa. Secara ringkasnya, proses pembelajaran melibatkan fasa-fasa berikut:

- (i) **Fasa Motivasi** : Pelajar akan menerima rangsangan dari persekitaran. Pelajar belajar kerana didorong oleh motivasi tertentu. Tanpa motivasi, proses pembelajaran tidak akan bermakna dan berkesan.
- (ii) **Fasa Kefahaman** : Melibatkan proses persepsi dan penanggapan. Rangsangan yang sesuai dan memberi makna yang dipilih oleh organ deria.
- (iii) **Fasa Pemerolehan** : Rangsangan dibawa ke otak untuk diberi makna dan diterima (pemikiran dan penerimaan).
- (iv) **Fasa Penyimpanan** : Fakta atau pengalaman akan disimpan dalam ingatan deria, ingatan jangka pendek atau ingatan jangka panjang. Ini menghasilkan pembentukan pengalaman atau pengetahuan dalam ingatan.
- (v) **Fasa Mengingat Semula** : Fakta atau pengalaman yang disimpan perlu dikeluarkan semula untuk digunakan. Contohnya apabila hendak membina ayat, perlu diingat semula perkataan yang sesuai dari segi makna dan fungsinya.
- (vi) **Fasa Generalisasi** : Dalam fasa ini seseorang mengingat semula fakta atau pengalaman untuk diamalkan dalam situasi baru yang sesuai dan sepadan.
- (vii) **Fasa Prestasi** : Seseorang mendapat maklum balas orang lain mengenai tingkah lakunya.

(viii) Fasa Maklum Balas : Seseorang mendapat peneguhan mengenai perlakuannya. Maklum balas ini penting bagi menentukan sejauh mana seseorang dapat mengamalkan fakta atau kemahiran yang dipelajarinya.

b- Prinsip-Prinsip Pembelajaran Bahasa

Prinsip-prinsip pembelajaran bahasa merujuk kepada dasar-dasar yang menerangkan cara pembelajaran sesuatu bahasa boleh berlaku secara berkesan dan efektif (Shahabuddin Hashim & et. al, 2004 : 154- 156, dan Khadijah Rohani & et. al, 2006 : 93-94). Antara prinsip-prinsip pembelajaran itu ialah:

- (i) Kesediaan Pembelajaran :** Para pelajar harus mempunyai kesediaan fizikal, mental dan emosi sebelum mereka belajar sesuatu pelajaran. Pembelajaran akan menjadi lebih berkesan apabila dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada pada pelajar. Sekiranya ada pelajar yang tidur, guru perlu kejutkan dan bertanya sebab dia berkelakuan demikian. Sebaik-baiknya guru menyuruh pelajar itu membasuh muka atau berwuduk.
- (ii) Pengalaman :** Sejajar dengan konsep konstruktivisme yang menggalakkan ‘belajar melalui perbuatan’, para pelajar digalakkan menggunakan seberapa banyak organ derianya seperti mata, telinga, hidung dan jari untuk sentuhan. Pembelajaran bahasa seperti ini akan meninggalkan kesan yang lebih lama.

- (iii) **Unsur Jenaka** : Ramai pelajar menyukai guru yang boleh berjenaka. Mereka akan memberi perhatian kepada guru itu dan memberikan perhatian kepadanya. Sekiranya seseorang guru tidak boleh berjenaka, guru boleh menjalankan pembelajaran lebih seronok dengan bercerita dan mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh menjadikan suasana pembelajaran menyeronokan.
- (iv) **Motivasi** : Untuk menjayakan amalan pembelajaran, pelajar terlebih dahulu diberi perhatian dan terus mengekalkan perhatian tersebut disepanjang pembelajaran. Hal ini boleh berhasil apabila pelajar diberi peneguhan positif dalam pembelajaran mereka.
- (v) **Objektif Pembelajaran** : Pelajar hendaklah disedar dan difahamkan objektif pembelajaran pada hari tersebut supaya guru dan pelajar dapat bekerjasama mencapai objektif tersebut.
- (vi) **Menyusun Pembelajaran** : Guru perlu menyusun pengajaran dan penerangannya mengenai sesuatu tajuk pengajaran dengan cara; daripada yang diketahui kepada yang tidak diketahui, daripada senang kepada susah, daripada dekat kepada jauh atau daripada konkret kepada abstrak.

Kesimpulannya, perbincangan tentang proses dan prinsip pembelajaran ini bertujuan untuk menentukan hubungan pembelajaran dengan motivasi adalah saling berkaitan antara satu sama lain dalam pendidikan bahasa.

2.2.1.3 Pendekatan Pembelajaran dari Perspektif Motivasi

a- Motivasi dan Pendekatan Behaviourisme

Paradigma pendekatan Behaviourisme berpendapat pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Kajian mereka memfokuskan kaitan rangsangan dan tindak balas yang menghasilkan perubahan tingkah laku. Dapatan kajian mazhab ini menunjukkan perubahan tingkah laku dapat dikekalkan dengan pendekatan motivasi yang sesuai.

Dalam pendekatan ini, konsep motivasi dikaitkan dengan prinsip ganjaran, insentif dan peneguhan sebagai motivasi dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Ganjaran ialah objek atau situasi yang menarik yang diperoleh hasil daripada sesuatu perbuatan atau tingkah laku. Insentif pula ialah objek atau situasi yang menggalakkan atau tidak menggalakkan tingkah laku itu diulang. Misalnya, janji pihak sekolah untuk menganugerahkan sijil dan hadiah kepada pelajar yang mendapat gred A bagi mata pelajaran Bahasa Arab adalah satu insentif kepada pelajar dan satu ganjaran kepada usaha yang gigih pelajar sendiri.

b- Motivasi dan Pendekatan Kognitivisme

Pendekatan ini cuba menunjukkan bahawa keinginan mengekalkan imej kendiri dalam pembelajaran Bahasa Arab adalah merupakan satu kuasa motivasi yang kental. Kebanyakan tingkah laku seseorang pelajar adalah bertujuan untuk

mengekalkan standard yang dikenakan pada diri pelajar itu sendiri. Pendekatan ini juga hasil daripada rasa tidak puas hati terhadap pendekatan behaviourisme. Ahli-ahli pendekatan ini percaya bahawa setiap tindakan seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya adalah ditentukan oleh pemikiran, bukan hanya disebabkan pemberian ganjaran atau dihukum dengan melakukan perbuatan itu. Oleh itu, apa sahaja usaha dan tindakan yang diambil oleh pelajar tersebut dalam pembelajaran Bahasa Arab adalah dianggap sebagai hasil daripada perancangan, matlamat, skema, pengharapan dan atribusi.

c- Motivasi dan Pendekatan Humanistik

Pendekatan humanistik cuba menunjukkan bahawa keinginan intrinsik seseorang pelajar itu adalah digerakkan oleh keperluan untuk mencapai dorongan realisasi-diri *self-actualisation* (Ainon Mohd. 2003 : 92) , *inborn actualizing tendency* atau keperluan kepada *self-determination* (Deci & Ryan dalam Saedah Siraj et. al. 1996 : 8).

Pada asasnya pendekatan ini berpegang kepada kepercayaan bahawa seseorang pelajar dilahirkan dengan keinginan untuk berusaha memenuhi potensi yang ada pada mereka. Dalam pendekatan ini, memotivasi pelajar Bahasa Arab dalam pembelajarannya bermakna memberi rangsangan kepada sumber dalaman yang ada pada diri mereka, seperti rasa kompeten diri, harga diri, autonomi, dan pemenuhan kendiri.

d- Motivasi dan Pendekatan Pembelajaran Sosial

Pendekatan ini adalah gabungan antara pendekatan behaviourisme dan kognitivisme. Ia mengambil kira penekanan ahli behaviourisme ke atas kesan atau hasil sesuatu tingkah laku dan minat pelajar. Manakala ahli kognitif pula ke atas impak hasil kepercayaan dan pengharapan seseorang pelajar itu. Pendekatan ini bermakna motivasi adalah gabungan antara dua kekuatan, iaitu pengharapan seseorang pelajar itu untuk sampai ke matlamat yang ditujunya, dan nilai matlamat itu untuk dirinya.

Dalam kata lain, pendekatan motivasi ini adalah merupakan gabungan antara dua elemen penting, iaitu kejayaan dan kebahagiaan hidup. Justeru itu, jikalau salah satu daripadanya tidak wujud dalam pembelajaran Bahasa Arab, kemungkinan motivasi untuk berusaha mencapai matlamat pembelajaran bahasa itu akan menjadi lemah dan tidak signifikan lagi.

e- Motivasi dan Pendekatan Pembelajaran Holistik

Pendekatan motivasi ini membincangkan tingkah laku seseorang pelajar ke arah persaingan untuk mencapai standard keperluan holistik dari segi agama, diri dan kecemerlangan dunia dan akhirat melalui medium pembelajaran Bahasa Arab. Dalam erti kata lain, seseorang pelajar yang mempunyai motivasi ini akan mendapat prestasi cemerlang dalam pembelajarannya di dunia dan akhirat.

Oleh itu, dorongan yang paling efektif dalam motivasi ini bagi seseorang pelajar datang dari sumber yang otentik iaitu al-Quran al-Karim. Maka adalah tidak logik bagi seseorang pelajar mencari pendekatan yang bersifat simplistik sahaja untuk membangun motivasi dan dorongannya terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Oleh kerana pelajar dan Bahasa Arab adalah hasil ciptaan Rabb kepada alam ini, maka Dialah yang lebih mengetahui hasil ciptaan-Nya.

Jadual 2.1
Rumusan Motivasi dan Pendekatan Pembelajaran
Diubahsuai dari Woolfolk, 1998.

	Behaviouristik	Humanistik	Kognitivisme	Pembelajaran Sosial	Holistik
Sumber Motivasi	Rangsangan Ekstrinsik	Rangsangan Intrinsik	Rangsangan Intrinsik	Rangsangan Intrinsik dan Ekstrinsik	Rangsangan Iman dan Akidah
Rangsangan Penting	Ganjaran, Insentif dan hukuman	Keperluan harga diri, pemenuhan kendiri dan kekuatan diri	Kepercayaan, ciri-ciri kejayaan dan kegagalan, serta pengharapan	Pengharapan dan nilai sesuatu matlamat yang hendak dicapai	Janji-janji Allah dan Rasul
Pelopor Teori	Skinner	Maslow, Deci	Weiner, Covington	Bandura	Rasulullah s.a.w.

Rajah 2.1 menunjukkan rumusan perbezaan antara motivasi dan pendekatan pembelajaran yang menghuraikan secara ringkas berkenaan dengan sumber motivasi, rangsangan penting bagi motivasi dan pelopor teori.

2.2.2 Bahasa Arab

2.2.2.1 Definisi Bahasa

Mangantar Simanjuntak (1982 : 5), mendefinisikan bahasa sebagai satu sistem kognitif manusia yang unik yang dapat dimanipulasi oleh manusia untuk menghasilkan sejumlah kalimat-kalimat yang tidak terbatas berdasarkan unsur-unsur yang terbatas untuk digunakan oleh manusia itu sebagai alat berkomunikasi dan mengakumulasi ilmu pengetahuan.

Demikian juga yang dijelaskan oleh Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 87) bahawa bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang melahirkan budi bahasa, sopan santun dan akhlak yang mulia. Sistem ini digunakan sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia atau antara seorang individu yang lain dan sebagainya.

Manakala menurut perspektif Islam bahasa dianggap sebagai sesuatu kebolehan yang dianugerahkan oleh Tuhan Yang Maha Esa kepada manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi suara yang arbitrari, yang dipersetujui dan digunakan oleh sekelompok manusia untuk berkomunikasi.

Hal ini menjelaskan bahawa bunyi-bunyi lain yang cara penghasilannya bukan yang diucapkan oleh alat-alat pertuturan manusia bukanlah dinamakan bahasa, dan jika bunyi yang dihasilkan itu ialah bunyi yang tidak berstruktur atau bunyi yang tidak mempunyai pengertian bagi manusia lain bermakna bunyi

tersebut juga tidak didefinisikan sebagai bahasa (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005 : 1).

2.2.2.2 Kemahiran Bahasa dan Kepentingannya

a- Kemahiran Bahasa

Sesungguhnya manusia yang dicipta dengan sebaik-baik kejadian dilengkapi dengan tiga kemahiran insan iaitu afektif, kognitif dan psikomotor. Menurut perspektif Islam, kebolehan berbahasa jugalah yang menjadikan pembeza antara manusia dengan makhluk-makhluk lain di muka bumi ini. Dalam hal ini, Allah s.w.t telah memuliakan martabat manusia daripada makhluk-makhluk lain dalam firman-Nya yang berbunyi:

﴿ إِنَّ رَبَّكَ مَوْلَانَا مَنْعَلُهُ مَنْعَلُنَا إِنَّ رَبَّكَ مَوْلَانَا وَمَنْعَلُهُ مَنْعَلُنَا ﴾
﴿ إِنَّ رَبَّكَ مَوْلَانَا مَنْعَلُهُ مَنْعَلُنَا إِنَّ رَبَّكَ مَوْلَانَا وَمَنْعَلُهُ مَنْعَلُنَا ﴾
﴿ إِنَّ رَبَّكَ مَوْلَانَا مَنْعَلُهُ مَنْعَلُنَا إِنَّ رَبَّكَ مَوْلَانَا وَمَنْعَلُهُ مَنْعَلُنَا ﴾

“Tuhan yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. Dialah yang telah mengajarkan al-Quran. Dialah yang telah menciptakan manusia. Dialah yang telah mengajarnya pandai berbahasa.”

(Surah al-Rahma:n, ayat : 1-4)

Melalui ayat-ayat tersebut, amat jelas sekali dalam ajaran Islam bahawa Allah s.w.t menciptakan manusia dengan menganugerahkannya kemahiran

berbahasa. Ia juga disebut sebagai potensi berbahasa atau pemerolehan bahasa yang telah sedia ada pada setiap manusia apabila ia lahir ke dunia.

Dalam hal ini, sarjana linguistik Barat yang berdasarkan rasionalisme masih belum menyentuh penganugerahan bahasa dan pembelajarannya dengan konsep ketuhanan. Awang Sariyan (2007 : 68) dalam kajiannya menegaskan dengan kata-kata:

Chomsky tidak pernah memperkatakan innate bahasa manusia sebagai suatu kurniaan Tuhan. Ahli-ahli linguistik mentalis pula sering mengungkapkan frasa “secara semula jadi” bagi sifat kenuranian bahasa. Sikap demikian tidak lain daripada pandangan sekularis yang tidak melihat objek kajian ilmiah sebagai sesuatu yang berkaitan dengan agama, tuhan dan persoalan kerohanian.

Selain penganugerahan kemahiran berbahasa, Allah s.w.t juga menciptakan manusia berbangsa-bangsa dan bersuku-suku dengan pelbagai bahasa dan dialek bagi manusia, dan bukan satu bahasa tertentu dijelaskan-Nya dalam firman yang terjemahannya berbunyi:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal....”


(Surah al-Hujura:t, ayat 13)

Amatlah jelas bahawa al-Quran al-Karim bukan setakat mengiktiraf wujudnya kepelbagaian bahasa manusia sebagai manifestasi keagungan dan

kekuasaan Allah s.w.t, malahan al-Quran al-Karim menyajikan untuk manusia melakukan kajian dan memahami kepelbagaiannya tersebut melalui penganugerahan alat potensi berbahasa.

b- Kepentingan Kemahiran Bahasa

Dalam al-Quran al-Karim, kepentingan penganugerahan potensi atau kemahiran berbahasa mempunyai pertalian dengan pembelajaran dan pengilmuan kepada manusia yang termaktub dalam surah al-Baqarah pada ayat 31:



Maksud ayat,

“Dan Allah telah mengajar Adam tentang nama-nama benda dan kegunaannya (hakikat) segala kejadian, kemudian ditunjukkan kepada para Malaikat lalu Dia Allah berfirman: Terangkanlah kepada Aku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.”

Di sebalik ayat tersebut, Nabi Adam a.s. telah belajar daripada Allah s.w.t ilmu pengetahuan melalui medium kemahiran berbahasa, bukan sekadar pengenalan nama segala kejadian di alam semesta ini, bahkan turut meliputi sifat-sifat, kegunaan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan pelbagai bidang ilmu. Ayat ini turut memberikan pengertian bahawa keturunan

Adam a.s. iaitu manusia dikurniai Allah s.w.t ilmu bahasa atau ilmu pengenalan yang berkaitan pula dengan penguasaan dalam cabang-cabang ilmu yang lain (Awang Sariyan, 2007 :75). Demikianlah rapatnya penguasaan atau pembelajaran ilmu bahasa dengan penguasaan cabang-cabang ilmu lain melalui alat potensi berbahasa yang boleh diaplikasi dalam bentuk gagasan pendidikan bersepadu, termasuk pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa.

Pada hakikatnya, penganugerahan kemahiran bahasa ini adalah amat penting bagi manusia. Hal ini kerana mereka dapat memperoleh dan mempelajari sesuatu bahasa dan mengaplikasikannya untuk tujuan berkomunikasi, melahirkan perasaannya, menyampaikan ilmu dan mengakumulasinya, mengabadikan ilmu itu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan, dan menurunkan ilmu, kebudayaan, peradaban daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Mangantar Simanjuntak, 1982 : 1).

2.2.2.3 Bahasa dari Perspektif Pembelajaran Bahasa Kedua

(i) Bahasa Kedua dari Perspektif Konsep dan Istilah

Bahasa kedua ialah bahasa yang kedua dipelajari oleh seseorang itu di samping bahasa kandung atau bahasa ibunda yang diperoleh dan dikuasai oleh seseorang sejak usia kanak-kanak, iaitu sebelum dia mempelajari sesuatu bahasa asing atau bahasa kedua (Kamarudin Hj. Husin et. al. 1997 : 157). Konsep ini menjelaskan bahawa bahasa kedua ialah bahasa asing atau *foreign language* kepada penutur berkenaan, iaitu bahasa yang harus dipelajari jika ingin

menguasai bahasa tersebut. Pembelajaran bahasa kedua dipelajari melalui pendidikan secara formal untuk tujuan tertentu dan tidak dianggap sebagai bahasa sendiri.

Selain itu, para sarjana bahasa membezakan penggunaan istilah mengenai proses penguasaan bahasa kedua daripada bahasa pertama. Menurut Zulkifley Hamid (1994 : 70) perbezaan istilah ini berlaku kerana penguasaan bahasa kedua tidak berlaku secara semula jadi tetapi ia didorong oleh berbagai-bagi motif seperti untuk mengelakkan pemencilan, kemajuan kerjaya, meningkatkan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Oleh sebab itu, para sarjana bahasa menggunakan istilah penguasaan atau pemerolehan bagi bahasa ibunda iaitu bahasa pertama yang dipelajari, dan menggunakan istilah pembelajaran bagi bahasa kedua iaitu bahasa asing yang dipelajari selepas bahasa ibunda secara latihan (Abdullah Hassan, 2005 : 26 dan Ruhdsiy Ahmad Tai‘:maṭ et. al. 2000 : 238).

(ii) Bahasa Kedua dari Perspektif Bentuk dan Proses

Bentuk dan proses pembelajaran bahasa kedua secara formal adalah amat berbeza daripada keadaan semula jadi. Steinberg (1982 : 166) telah memberi lima sebab perbezaan tersebut iaitu:

- i- Tekanan psikososio bilik darjah. Keadaan pembelajaran di dalam bilik darjah memaksa pelajar menyesuaikan diri kepada proses-proses kumpulan, disiplin dan tatacara bilik darjah.

- ii- Data bahasa dipilih sebelum diajar. Umumnya, pelajar diperkenalkan butir-butir bahasa sasaran yang diberi sebelumnya. Mereka mempelajari kurikulum yang terancang di samping cuba menghayati tujuan-tujuan tertentu berkenaan dengan bahasa.
- iii- Rumus-rumus nahu dipaparkan. Pelajar mungkin menggunakan bahasa pertama untuk memahami sesuatu struktur dalam bahasa kedua.
- iv- Keadaan dibuat-buat dan terhad. Penggunaan bahasa kedua di dalam bilik darjah adalah terhad dari segi kepelbagaian dan skopnya jika dibanding dengan keadaan pembelajaran di luar kelas.
- v- Penggunaan alat bantuan pendidikan dan tugasan. Untuk memastikan pembelajaran yang efektif dan mencapai matlamat belajar maka buku teks, buku kerja atau makmal bahasa dan lain-lain diguna.

Kesimpulannya, pembelajaran bahasa kedua terjadi dengan bermacam-macam cara, untuk tujuan yang pelbagai, dan pada peringkat kebahasaan yang berlainan (Noor Aina Dani, 2007 : 53).

(iii) Bahasa Kedua dari Perspektif Sikap dan Motivasi

Sikap dan motivasi merupakan dua mekanisme psikologi yang saling berkaitan dalam pembelajaran bahasa kedua. Sikap yang mempunyai unsur-unsur perasaan positif dan negatif akan mempamerkan tindak balas yang serupa terhadap sesuatu perkara. Motivasi pula merupakan pengaruh dalaman yang membangkitkan perubahan, memberi tenaga dan arah kepada sesuatu tingkah laku untuk mencapai sesuatu matlamat yang dicita-citakan.

Dalam memotivasi diri, seseorang haruslah mengubah sikap daripada yang negatif kepada yang positif kerana ia merupakan pencetus utama bagi merealisasikan perubahan diri. Begitu juga seseorang individu yang bermotivasi boleh diandaikan akan terlibat secara proaktif dan lebih berkesan dalam proses pembelajaran bahasa kedua jika dibandingkan dengan individu yang kurang bermotivasi.

Zulkifley Hamid (1994 : 77) berpandangan bahawa dua faktor intrinsik yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan bahasa kedua yang dipelajari ialah sikap dan motivasi. Bahkan beliau turut menegaskan bahawa jika kedua-dua faktor ini positif, kebarangkalian untuk berjaya amatlah tinggi kerana sikap yang positif biasanya menghasilkan motivasi yang tinggi dan begitulah sebaliknya.

2.2.2.4 Definisi Bahasa Arab

Ensiklopedi Islam (2001 : 149), mendefinisikan Bahasa Arab sebagai suatu bahasa dari rumpun bahasa Semit Selatan yang digunakan oleh orang-orang yang mendiami Semenanjung Tanah Arab, di bahagian barat daya benua Asia.

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa tertua di dunia, namun keadaannya pada awal pertumbuhan dan perkembangannya tidak diketahui dengan pasti. Teks Bahasa Arab tertua yang ditemukan hanya dimulai sesudah abad ketiga, sedangkan teks tertua dalam Bahasa Arab yang kita kenal sekarang

ini dapat diperoleh hanya dari masa dua abad sebelum kedatangan Islam, iaitu yang dinamakan sastera jahiliah. Setelah berabad-abad lamanya, Bahasa Arab kini turut menjadi bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2.2.2.5 Kepentingan Bahasa Arab

Dalam kajian ini, penulis menyentuh mengenai kepentingan pembelajaran Bahasa Arab daripada beberapa kajian yang dilakukan. Antara kajian tersebut ialah Muhammad ‘Aliyy al-Khu:liyy (1982 :19-20). Berikut ialah kepentingan Bahasa Arab secara ringkas:

- i- Bahasa Arab ialah bahasa al-Quran al-Karim. Melalui bahasa tersebut setiap muslim dapat membaca dan memahami isi kandungan al-Quran yang mengandungi perintah-perintah suruhan dan larangan serta hukum-hukum syarak.
- ii- Bahasa Arab ialah bahasa solat. Setiap muslim yang menunaikan solat mesti mengguna pakai Bahasa Arab. Bahasa Arab juga merupakan bahasa yang berkait dengan rukun asasi dalam Islam. Justeru itu, pembelajaran Bahasa Arab adalah wajib ke atas setiap muslim.
- iii- Bahasa Arab ialah bahasa Hadith. Justeru itu, setiap muslim yang ingin membaca hadith dan menguasai isi kandungannya hendaklah mengetahui Bahasa Arab.
- iv- Bahasa Arab ialah suatu bahasa yang mempunyai status ekonomi bagi negara Arab, kerana mereka mempunyaikekayaan sumber minyak dan galian. Oleh itu, Bahasa Arab menjadi medium yang penting bagi sesiapa

yang ingin berurusan dengan negara-negara Arab dari segi ekonomi maupun politik.

- v- Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pertama oleh 22 buah negara Arab dan bahasa kedua di kebanyakan negara Islam. Ini menunjukkan 1/7 penduduk dunia menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pertama. Di samping itu, banyak penutur natif Bahasa Arab mempelajarinya kerana didorong oleh ajaran Islam.

2.2.2.6 Bahasa Arab dan Matlamat Negara

Pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia berkait rapat dengan matlamat dan hala tuju negara untuk menghadapi cabaran masa depan dan merealisasikan matlamat berkaitan hubungan antarabangsa dari aspek berikut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999 : 2) :

a- Politik Antarabangsa

Pengetahuan Bahasa Arab perlu dan berharga kerana Malaysia kini telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan politik antarabangsa. Pandangan Malaysia telah mendapat tempat di persidangan antarabangsa seperti Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan sebagainya.

b- Bahasa Bangsa-Bangsa Bersatu

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa rasmi yang digunakan di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pengetahuan bahasa tersebut adalah sangat penting untuk membolehkan perwakilan Malaysia memainkan peranan yang berkesan pada peringkat politik antarabangsa.

c- Bahasa Penting Dunia

Pengetahuan bahasa kedua khususnya Bahasa Arab akan memudahkan perhubungan pada peringkat antarabangsa dengan negara-negara yang bertutur dalam bahasa tersebut. Apa yang berlaku di negara luar sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan negara kita. Pengetahuan Bahasa Arab sudah tentu dapat mempertingkatkan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut.

d- Ilmu Pengetahuan

Pembelajaran Bahasa Arab di negara kita bertujuan untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dalam bidang pengetahuan Islam dan Bahasa Arab di samping bidang sains dan teknologi dari negara-negara Islam seperti bidang kedoktoran dan lain-lain. Hal ini kerana pengetahuan sains dan teknologi pada hakikatnya merupakan hasil penemuan sarjana-sarjana Islam yang silam. Kita umat Islam adalah bertanggungjawab memartabatkan kembali ilmu-ilmu silam itu di tempat yang sewajarnya.

e- Perkembangan Perindustrian

Perkembangan perindustrian yang pesat di negara kita adalah disebabkan oleh bahan mentah yang banyak dan iklim politik yang positif. Hal ini sudah pasti akan menarik pelabur-pelabur luar untuk melabur di sini. Penguasaan Bahasa Arab akan membolehkan lebih banyak rombongan dihantar ke negara-negara Arab bagi meningkatkan perdagangan dua hala. Justeru, rakyat Malaysia akan menikmati lebih banyak peluang pekerjaan, pendapatan negara akan meningkat dan kualiti hidup penduduk akan bertambah lebih efektif.

f- Pelancongan

Rakyat Malaysia yang mampu menguasai dwibahasa atau lebih akan dapat menarik lebih ramai pelancong luar dari negara Arab ke negara kita. Usaha-usaha untuk memperkenalkan negara kita kepada negara-negara itu akan dilaksanakan dengan lebih efektif dan kondusif. Kerajaan Malaysia telah membelanjakan sejumlah bajet yang besar bagi menggembangkan sektor industri tersebut. Adalah wajar bagi kita membekalkan pekerja yang menguasai dan mahir menggunakan Bahasa Arab untuk menjayakan usaha tersebut.

2.2.3 Pembelajaran Bahasa Arab pada Peringkat Sekolah Menengah

2.2.3.1 Pembelajaran Bahasa Arab dalam Falsafah Pendidikan Negara

Di Malaysia, pendekatan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua secara terancang untuk sekolah menengah telah diaplikasi apabila sukanan pelajaran Bahasa Arab diperkenal dan digubal secara rasmi pada tahun 1977 dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Dalam tempoh empat tahun pertama penubuhan SMKA, kurikulum pembelajaran Bahasa Arab ini adalah berdasarkan prosedur peperiksaan mata pelajaran tersebut yang sedia ada di Lembaga Peperiksaan Malaysia. Sehingga pada tahun 1981 apabila Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan dua sukanan pelajaran (SP) Bahasa Arab iaitu satu untuk kegunaan di seluruh SMKA dan satu lagi untuk kegunaan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) tertentu untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

Kandungan SP tersebut lebih menumpukan kepada penguasaan morfologi dan sintaksis bertujuan untuk membolehkan para pelajar menguasai kecekapan penggunaan aspek-aspek bahasa seperti fonologi, morfologi, tatabahasa dan makna perkataan. Para pelajar juga diharapkan akan dapat menguasai kemahiran bahasa seperti pendengaran, pertuturan, pembacaan dan penulisan. Manakala matlamat utama SP ini adalah agar para pelajar dapat memahami teks al-Quran al-Kari:m dan as-Sunnah (Kementerian Pendidikan, 2003 : 169).

Namun Kurikulum pembelajaran Bahasa Arab telah digubal semula apabila Kementeriaan Pendidikan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1991. Sukatan pelajarannya telah dilaksanakan di semua SMKA, SBP dan Kelas Aliran Agama (CAA). Nama Bahasa Arab telah ditukar kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK). Selain itu, Kementerian Pendidikan turut meluluskan satu mata pelajaran baru yang dikenali sebagai Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan diaplikasikan mulai 1992. Dengan perkembangan tersebut BAK dan BAT telah mempunyai SP dan huraian sukatan pelajaran (HSP) yang berbeza, begitu juga dengan buku teks dan format peperiksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002 : 170).

2.2.3.2 Status Bahasa Arab dalam Pendidikan Kebangsaan

Kedudukan pembelajaran Bahasa Arab dalam Pendidikan Kebangsaan dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996, pada seksyen 2 seperti berikut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999 : 2) :

Bahasa Arab, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana-mana bahasa asing lain boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian di sekolah menengah kebangsaan.

Aplikasi pembelajaran Bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dinyatakan dalam peraturan-peraturan Pendidikan 1997 pada ‘Jadual 3, Jadual 8 dan Jadual 9’ yang menyifatkan BAK sebagai Mata Pelajaran Tambahan dan BAT sebagai Mata Pelajaran Elektif dalam kumpulan kemanusiaan. Mata pelajaran BAK ditawarkan kepada murid Tingkatan Satu

hingga Tingkatan Lima bagi yang berminat manakala mata pelajaran BAT pula ditawarkan kepada pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima yang berminat. Walaubagaimanapun, BAK menjadi mata pelajaran wajib yang mesti dipelajari oleh semua pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di SMKA dan KAA. Begitu juga dengan BAT yang menjadi mata pelajaran yang boleh dipelajari oleh semua pelajar Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima di SMKA dan KAA.

Pada tahun 2000, pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua sekali lagi mengalami perubahan. SP dan HSP bagi BAT yang sedia ada telah disemak semula untuk pelaksanaan pada tahun 2003. Penyemakan semula kurikulum ini mengambil kira pemberatan kandungan kurikulum iaitu keseimbangan antara akademik dan bukan akademik, keperluan peperiksaan setara dengan kurikulum, tidak terlalu ideologikal dan penekanan kepada kreativiti, estetik, sains serta teknologi. Penyemakan ini adalah berbentuk penyesuaian dan bukan rombakan kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003 : 170).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia lagi, antara rasional semakan BAT ini dibuat agar sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan bagi memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Islam iaitu dapat diajar dalam bentuk lebih relevan, lebih efisien dan lebih berkesan. Dengan itu, ia mampu untuk menghasilkan pelajar yang menguasai bahasa Arab dan dapat mewujudkan integrasi antara kaum pada peringkat antarabangsa, memenuhi

permintaan masyarakat dan menjadi asas yang mantap bagi pelajar yang melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

2.2.3.3 Matlamat Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi

Matlamat pembelajaran BAT pada peringkat sekolah menengah seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2003 : 174) adalah bertujuan untuk:

Memberi ruang untuk menghargai dan memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran al-Kari:m dan bahasa ilmu untuk menguasai maklumat dan kemahiran berbahasa supaya dapat memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakan dengan tepat di samping memperluaskan pengetahuan dan menikmati keindahan berbahasa.

2.2.3.4 Objektif Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi

Kementerian Pendidikan Malaysia (2003 : 174 - 175) pula mengariskan objektif-objektif BAT seperti berikut:

- i- Mendengar ayat-ayat al-Quran al-Kari:m dan al-Hadith al-Shari:f terpilih serta memahami maknanya.
- ii- Mendengar dan memahami dengan baik siaran program dalam Bahasa Arab.
- iii- Menggunakan Bahasa Arab secara meluas dalam pelbagai bidang.
- iv- Bertutur Bahasa Arab dengan meluas dalam semua situasi.
- v- Menguasai Bahasa Arab dan retorik yang mudah serta mampu menggunakaninya.

- vi- Menikmati keindahan gaya bahasa teks-teks kesusasteraan Arab
- vii- Menguasai sekurang-kurangnya 2,000 patah kosa kata baru Arab.
- viii- Berupaya menggunakan pelbagai kamus dan sumber rujukan Arab
- ix- Membiasakan diri menggunakan teknologi maklumat terkini yang berkaitan dengan Bahasa Arab.

2.2.3.5 Aspek-Aspek Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi

Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberi penekanan objektif umum terhadap beberapa aspek bahasa seperti berikut:

- i- Kemahiran-kemahiran bahasa yang terdiri daripada kemahiran mendengar dan faham, kemahiran bertutur dan faham, kemahiran membaca dan faham, dan kemahiran menulis dan faham.
- ii- Tatabahasa pula terdiri dari sistem morfologi dan sintaksis dan mempunyai 25 tajuk yang agak mendalam.
- iii- Retorika, bertujuan untuk membina keupayaan memahami keindahan Bahasa Arab iaitu terdiri 15 tajuk meliputi ilmu fasahah dan ketiga-tiga cabang ilmu balaghah iaitu Baya:n, Ma':ani dan Badi:'a.
- iv- Manakala Teks Sastera mengandungi ayat-ayat al-Quran, al-Hadith, wasiat, surat sastera, pidato, lelucon, syair Islam, syair emosi, syair sosial dan syair patriotik.
- v- Kata-kata hikmah dan perumpamaan pula mengandungi 20 tajuk yang berlainan antara satu sama lain.

- vi- Perbendaharaan kosa kata, pelajar disarankan dapat menguasai 2,000 perkataan baru semasa di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.
- vii- Dilampirkan bersama-sama SP ini beberapa ayat al-Quran dan al-Hadith sebagai tujuan untuk mencapai objektif pertama iaitu kemahiran pendengaran dan pemahaman maknanya. Juga dilampirkan 10 petikan teks-teks sastera.

2.3 MOTIVASI DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Dalam sub-tajuk ini, penulis akan membincangkan perkaitan pembelajaran Bahasa Arab dengan motivasi iaitu:

- (i) Motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab.
- (ii) Kepentingan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab.
- (iii) Penggerak utama bagi motivasi holistik dalam pembelajaran Bahasa Arab.

2.3.1 Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Kebanyakan pakar bahasa dalam pendidikan bersetuju bahawa dorongan motivasi terhadap pembelajaran sesuatu bahasa merupakan faktor yang menentukan kejayaan seorang pelajar mempelajari bahasa tersebut, dan sekaligus mendorong dan menentukan pencapaian kejayaan dan cita-cita seseorang pelajar. Motivasi individu akan meningkat jika individu tersebut mahu dimotivasikan, memahami unsur-unsur motivasi dan melibatkan diri

secara proaktif dalam usaha itu. Hal ini juga ditegaskan oleh Lado (1980 : 57) bahawa motivasi yang tinggi meningkatkan pembelajaran. Misalnya, apabila seseorang itu mengetahui tentang relevannya pembelajaran Bahasa Arab dengan motivasinya maka dia akan lebih berusaha untuk mempelajarinya lagi.

Manakala Mohd. Sharani Ahmad et. al. (2003 : 45), berpendapat bahawa motivasi dapat menentukan hala dan keberkesanan sesuatu pembelajaran disebabkan motivasi memupuk pelajar agar mengetahui sesuatu pembelajaran itu mempunyai hala dan tujuan yang tertentu bagi mencapai keberkesanan pembelajaran itu sendiri.

Menurut pandangan Mohammad Shatar Sabran (2005 : 7) pula, motivasi merupakan jantung dalam proses menimba ilmu pengetahuan. Motivasi bukan sahaja menggerakkan tingkah laku tetapi juga mengarahkan dan memperkuatkan tingkah laku pelajar yang bermotivasi untuk belajar, menunjukkan minat, keghairahan, dan ketekunan yang tinggi dalam pelajaran, tanpa banyak bergantung kepada tenaga pendidik mahupun orang lain. Oleh itu, dengan adanya dorongan motivasi, pelajar dapat mencapai kepuasan dan keseronokan dalam aktiviti pembelajaran serta menyedari akan kepentingan pembelajaran Bahasa Arab itu dalam kehidupan mereka.

Tinjauan kajian sebelum ini menunjukkan motivasi berkaitan rapat sesuatu pembelajaran bahasa. Hal ini dipersetujui oleh Lado (1980 : 57) yang menyatakan pembelajaran bahasa berhubung rapat dengan motivasi manusia. Jenis-jenis pendekatan motivasi merangsang matlamat atau arah tuju sesuatu

perlakuan pelajar. Perlakuan itu pula sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan juga faktor-faktor luaran iaitu domain non-motivasi seperti yang telah dibincangkan dalam kajian ini.

Sehubungan itu, kebanyakan pakar bahasa juga turut berpandangan bahawa tahap motivasi pembelajaran bahasa kedua lebih tinggi berbanding dengan motivasi mempelajari bahasa ibunda. Ini kerana pembelajaran bahasa kedua memerlukan faktor-faktor dorongan daripada pelajar untuk menguasai bahasa tersebut. Sebab itu motivasi pembelajaran bahasa pertama jarang dipersoalkan.

Seterusnya, kepentingan dorongan ibu bapa terhadap kumpulan linguistik dan budaya yang berbeza bagi kanak-kanak dwibahasa dan ekabahasa telah ditunjukkan oleh Lambert dalam kajian Nordin Mamat (2001 : 57) yang mendapati bahawa kemahiran linguistik dalam bahasa kedua dipengaruhi oleh sikap dan motivasi terhadap kumpulan linguistik dan budaya yang bahasanya dipelajari.

Kajian yang dilakukannya ke atas sekumpulan pelajar gred 11 yang mempelajari bahasa di Montreal, beliau mendapati bahawa bakat bahasa, ciri-ciri sikap dan motivasi mempunyai pertalian dengan gred yang didapati oleh pelajar bagi pelajaran bahasa Perancis. Kejayaan mempelajari bahasa kedua juga bergantung pada sesuatu orientasi sikap pelajar itu terhadap kumpulan etnolinguistik. Penyelidikan lanjutan yang dilakukannya juga mempunyai jawapan yang agak konsisten. Oleh itu beliau telah membuat penyelidikan

serupa di Amerika Syarikat, di daerah Louisiana, Maine dan Connecticut dengan menggunakan petunjuk sikap dan ciri motivasi dengan berbagai-bagai kemahiran bahasa seperti tatabahasa, bacaan, penyebutan dan sebagainya seperti yang digunakan di Kanada. Keadaan bahasa di Louisiana hampir sama dengan Montreal di mana terdapat sub-budaya golongan minoriti Perancis Amerika yang lebih kurang sama dengan di Quebec. Hanya Connecticut yang menyerupai di Amerika. Dalam menghuraikan dorongan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua, Brown (1980 : 112) mengatakan:

“It is easy in second language learning to claim that a learner will be successful beproper motivation. Such claims are of course not erroneous, for countless studies and experiments in human learning have shown that motivation is a key to learning.”

Petikan ini membayangkan motivasi seseoranglah yang menentukan sama ada mahu atau tidak untuk berusaha menguasai sesuatu bahasa kedua. Azam dan kesanggupan yang jitu, serta bersedia menempuh pelbagai kesukaran adalah asas kejayaan penguasaan bahasa kedua.

Ruhsdi: Ahmad Ta:i‘mat et. al. (2000 : 243) juga berpandangan bahawa pembelajaran bahasa kedua akan didorong oleh salah satu daripada dua cara iaitu pertama, sama ada didorong oleh tuntutan-tuntutan pada peringkat pendidikan sekolah atau untuk memenuhi kelayakan akademik. Keduanya didorong oleh matlamat kerjaya atau untuk memenuhi keperluan. Justeru, kejayaan menguasai bahasa kedua sering kali bergantung pada perancangan daya usaha yang didorong oleh motivasi matlamat yang jelas.

2.3.2 Kepentingan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Aplikasi pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab sangatlah penting terutama untuk mencapai hala tuju pembelajaran. Malah pendekatan motivasi dapat menentukan turun naiknya prestasi kecemerlangan akademik pelajar sepanjang proses pembelajaran Bahasa Arab. Menurut Zamri Mahamod (2007 : 204), motivasi memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa pelajar, terutamanya pembelajaran bahasa kedua. Ini kerana seseorang pelajar yang bermotivasi lebih dedikasi dan berdaya saing dalam tindakan serta lebih komited daripada seorang pelajar yang tidak bermotivasi.

Membangkitkan motivasi dalam proses pembelajaran Bahasa Arab adalah suatu yang lazim. Tanpa motivasi dalam pembelajaran bahasa tersebut, hala tuju yang ingin dicapai tidak dapat digenggam sepenuhnya. Justeru, segenap pihak yang berkecimpung dalam pendidikan bahasa perlulah mengambil berat tentang aspek motivasi supaya proses pembelajaran bahasa itu lebih efektif, bermakna dan menyeronokkan.

Sementara itu, penulis memetik kepentingan motivasi ke atas pembelajaran (termasuk bahasa Arab) secara ringkas daripada Mohd. Sharani Ahmad et. al. (2003), dan Shahabuddin Hashim et. al. (2003). Berikut adalah secara ringkas huriaian kepentingan motivasi kepada pelajar:

- (i) Pelajar dapat memperoleh kekuatan dalam memantapkan kualiti pembelajaran bahasa daripada motivasi yang berkesan dan dapat mencapai kecemerlangan dalam semua aspek bahasa yang dipelajari.
- (ii) Pelajar memerlukan dorongan dalam pembelajaran. Dorongan yang kuat dan mantap dapat mewujudkan pelajar yang mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Arab mereka.
- (iii) Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi mudah memberi pandangan tentang sesuatu perkara, meningkatkan daya tumpuan dan memberikan sepenuh perhatian dalam pembelajaran Bahasa Arab.
- (iv) Pelajar yang bermotivasi mempunyai daya saing dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka dan berusaha untuk mendapat yang terbaik dalam pelajaran Bahasa Arab mereka.
- (v) Pelajar biasanya dapat memberikan sepenuh tumpuan mereka kepada pelajaran Bahasa Arab sekiranya didorong dengan dorongan yang membina seperti mendapat perhatian yang sewajarnya daripada guru atau ibu bapa.

2.3.3 Penggerak Utama bagi Motivasi Holistik dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Mengenai pendekatan motivasi, Islam berpandangan sebagaimana pendekatan-pendekatan mazhab lain dalam mengupas teori-teori pembelajaran bahawa ada penggerak dan pendorong yang merangsang sesuatu tingkah laku manusia. Pada pendekatan Behaviourisme, penggerak utama adalah rangsangan-rangsangan dari luar. Sedangkan pada pendekatan Kognitivisme adalah

berkaitan dengan proses-proses pemikiran. Pada pendekatan Humanistik pula adalah pewujudan diri atau konsep realisasi diri *self-actualisation*.

Namun pada perspektif Islam, penggerak pertama dan utama bagi motivasi holistik adalah bertunjangkan akidah tauhid dan iman kepada (al-Kha:liq) iaitu pencipta alam semesta dalam usaha melaksanakan perintah ubudiyah yang disebut dalam Bahasa Arab (amr ta'abbudiyy). Dengan itu segala aktiviti manusia dapat dikembalikan kepada pendorong dan penggerak utama yang disebut iman dan akidah yang bermatlamatkan untuk mereka beribadah kepada Allah s.w.t. Dalam konteks ini Allah s.w.t berfirman:

وَلَمْ يَرْكَنْتُ إِلَيْهِ مِنْ أَنْفُسِنِي وَلَمْ يَأْتِكُ بِهِ مِنْ أَنْفُسِكِي وَلَمْ يَرْكَنْتُ إِلَيْهِ مِنْ أَنْفُسِنِي وَلَمْ يَأْتِكُ بِهِ مِنْ أَنْفُسِكِي

Maksudnya:

*“Dan sekali-kali Aku tidak mencipta jin dan manusia
melainkan untuk mereka beribadat kepada Ku”*

(Terjemahan al-Quran, surah al-Dha:riyyat, ayat 56)

Menurut Manja Mohd. Ludin (1990 : 93), pengajaran dan pembelajaran dalam Islam merupakan suatu ibadah. Ia adalah satu-satunya jalan bagi manusia sampai kepada kebenaran yang bertolak daripada premis tauhid serta tidak memisahkan antara aspek roh, akal dan jasad dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai sesuatu yang bersepadan *intergrated*. Jadi perilaku pembelajaran mengenai sesuatu bahasa oleh seseorang itu adalah ibadah. Manakala penggerak utama dalam ibadah adalah iman kepada Allah s.w.t.

Justeru, Islam menuntut penganutnya mempelajari bahasa wahyu bukan setakat untuk tujuan menguasai kemahiran berbahasa, memastikan integrasi bahasa komunitinya, ingin mendapat kerjaya tertentu dan sebagainya. Bahkan pembelajaran Bahasa Arab itu dijadikan sebagai medium untuk mereka memahami ajaran Islam yang hakiki. Dalam hal ini, menurut Ahmad Kilani Mohamed (2001 : 1) dalam kajiannya bahawa kepentingan Bahasa Arab kepada bangsa bukan Arab ialah saluran penting untuk mereka memahami ajaran Islam yang sebenar.

Bagi menjelaskan lebih lanjut tentang motivasi terhadap galakan mempelajari Bahasa Arab, diterangkan secara ringkas mengenai pendekatan dan perspektif menurut sumber otentik iaitu al-Quran al-Karim serta sarjana-sarjana keilmuan Islam. Firman Allah s.w.t berikut adalah antara sumber dorongan utama kepada pelajar:



Maksudnya:

“Dan apa-apa yang kamu usahakan untuk kebaikan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan”.

(Terjemahan al-Quran, Surah al-Baqara : ayat 110)

Ayat al-Quran al-Kari:m tersebut jelas menunjukkan bahawa motivasi dalam bentuk ganjaran pahala di sisi Allah untuk kejayaan di dunia dan akhirat serta mempunyai kaitan dengan pengetahuan Bahasa Arab yang dituntut oleh Islam dalam pendidikan holistik. Seseorang yang mempunyai motivasi bererti ia telah memperoleh kekuatan untuk mencapai kecemerlangan dalam hidup sama ada di dunia atau di akhirat atau kedua-duanya sekali. Selain itu, sarjana Islam juga berpandangan bahawa mempelajari Bahasa Arab merupakan salah satu syarat kesempurnaan agama. Hal ini turut ditegaskan oleh khalifah Islam kedua ‘Umar bin al-Khata:b r.a dengan katanya (Ibn Taimiyyat, t.th : 207) :

"تَعَلَّمُوا الْعَرَبِيَّةَ فَإِنَّهَا مِنْ دِينِكُمْ"

Maksudnya :

Belajarlah Bahasa Arab, kerana Bahasa Arab adalah sebahagian daripada agamamu.

‘Abdullah Muba:rak pula pernah berkata (Muhammad Badr al-Di:n Abu Sala:h, t.th : 6) :


" لَا يُقْبِلُ الرَّجُلُ بِنَوْعٍ مِّنَ الْعُلُومِ مَا لَمْ يُزَيِّنْ عِلْمَهُ بِالْعَرَبِيَّةِ "

Maksudnya :

Seseorang itu tidak boleh diterima apa juar ilmunya kalau tidak dihiasi ilmu pengetahuannya dengan Bahasa Arab

Manakala, menurut pandangan Ibn Taimiyyat (t.th : 207), Bahasa Arab itu sendiri daripada din, mengetahuinya fardhu dan wajib, manakala memahami kitab suci al-Quran dan Sunnah adalah fardhu, ia tidak dapat difahami melainkan mengetahui Bahasa Arab, dan sesuatu yang wajib itu tidak dapat disempurnakan melainkan dengannya, maka ia menjadi wajib.

Kesimpulannya, pendorong dan penggerak utama bagi motivasi holistik menurut Islam mengenai tingkah laku manusia adalah iman dan tauhid kepada Yang Maha Esa. Sebaliknya, apa sahaja pengaruh dan penggerak yang mendorong tingkah laku seseorang yang dipengaruhi oleh selain daripada pengaruh tersebut adalah dianggap amalan dan perlakuan yang tiada nilai di sisi Allah s.w.t. Walaupun perilaku itu disanjung dan memberi faedah kepada orang kebanyakan, kerana tingkah laku tersebut tidak lahir daripada akidah yang betul dan tidak pula dicetus oleh keimanan kepada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t dalam ayat 23 surah al-Furqa:n :



Maksud ayat:

“ Dan Kami (Allah) menghadapkan segala amal yang mereka kerjakan, lalu Kami (Allah) jadikan amalan itu bagaikan debu-debu yang biterbangan (tiada apa-apa ganjaran yang baik)”

2.4 Penutup

Tinjauan literatur ke atas pembelajaran Bahasa Arab mendapati jenis-jenis pendekatan motivasi dan demografi pelajar dari aspek jantina merupakan dua elemen paling banyak dikaitkan dengan pembelajaran Bahasa Arab dalam kajian ini. Dapatkan kajian-kajian lepas mendapati bahawa motivasi mendorong pembelajaran Bahasa Arab. Kajian ini juga mengandaikan bahawa seseorang pelajar yang mempunyai dorongan motivasi yang tinggi akan mencapai matlamat pembelajaran Bahasa Arab di samping mempunyai faktor-faktor non-motivasi sebagai motivasi sokongan dan begitu juga sebaliknya. Dengan berpandukan tinjauan ini, prestasi pelajar dijangka didorong oleh pendekatan motivasi yang signifikan dan faktor demografi yang berkaitan dengan kajian ini.